A

ZULAZRI SALLEH

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
TENGKU BAHARUDIN SHAH HMR
HELILIAH MOHD YUSOF HMR
KN SEGARA HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: D-05-58-05]

C

26 MAC 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Hukuman mati - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada terbukti bahawa perayu menyebabkan kematian simati - Sama ada terbukti niat - Kanun*

D

Keseksaan, s. 300 - Sama ada hakim bicara tersalah arah - Sama ada perayu berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah - Sama ada kes prima facie dibuktikan

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembunuhan - Hukuman mati - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Penemuan fakta - Inferens*

E

dirumuskan daripada fakta lain - Inferens yang memihak kepada perayu tidak dipertimbangkan - Sama ada hakim bicara tersalah arah - Sama ada perayu berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah - Sama ada kes prima facie gagal dibuktikan

F

Perayu disabitkan oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan membunuh anak tirinya (simati) yang berumur 14 bulan dan dihukum mati. Perayu merayu ke mahkamah ini supaya sabitan dan hukuman itu diketepikan. Faktanya adalah pada 26 Januari 2003, perayu telah datang ke rumah SP8 membawa budak yang tidak berpakaian dan

G

meminta bantuan. SP8 telah menghantar perayu dan budak itu ke hospital. Simati telah disahkan meninggal dunia pada pukul 8.20 pagi 27 Januari 2003. Bedahsiasat dijalankan ke atas simati oleh pakar forensik SP1 yang merumuskan punca kematian simati adalah akibat kecederaan dalam kepala yang disebabkan oleh trauma

H

tumpul. SP1 juga mendapati kecederaan yang dialami adalah konsisten dengan kecederaan yang bukan kemalangan. Perayu dan isterinya Felissa telah ditangkap. Kes pendakwaan adalah berasaskan keterangan mengikut keadaan iaitu tiada orang lain selain perayu, simati dan Felissa tinggal di rumah itu dan Felissa hanya balik ke

I

rumah selepas simati telah dihantar ke hospital. Kemungkinan simati termakan lada sulah seperti yang dinyatakan oleh perayu

bercanggah dengan pendapat SP1 dan merupakan pembohongan oleh perayu untuk menyembunyikan perbuatannya. Itulah yang diputuskan oleh hakim bicara apabila mendapati kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan membunuh dan memanggil pembelaan. Kes pembelaan pula adalah perayu telah mendengar simati menangis semasa dia sedang mandi di bilik air. Apabila perayu turun dia nampak simati terlentang di atas lantai dengan botol lada sulah terbuka berhampiran. Yang menjadi kemusykilan perayu adalah dua unsur utama kesalahan iaitu (i) sama ada perayu yang menyebabkan kematian simati dan (ii) sama ada terbukti niat seperti maksud s. 300 Kanun Keseksaan. Perayu berhujah bahawa inferens-inferens tidak wajar dibuat daripada keterangan saksi-saksi pendakwa dan disarankan adalah tidak selamat untuk sabitan dibuat berasaskan inferens sahaja.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan sabitan dan hukuman; melepaskan dan membebaskan perayu)
Oleh Tengku Baharudin Shah HMR:

(1) Terdapat keterangan yang menunjukkan simati adalah seorang budak yang cergas dan sering jatuh dan mengalami kecederaan. Dia ada bersama ibunya semasa perayu naik ke tingkat atas untuk mandi. Tiada keterangan bila ibunya, Felissa, keluar untuk membeli susu kerana Felissa telah meninggal dunia dan pernyataannya kepada polis tidak dikemukakan dalam perbicaraan. Oleh itu terdapat kemungkinan yang selain daripada perayu ada orang lain di rumah semasa kejadian. Memandangkan tiada keterangan bila Felissa keluar daripada rumah itu sebelum perayu membawa simati ke rumah jirannya maka boleh juga diinfer yang kecederaan di kepala simati boleh disebabkan oleh orang lain atau simati sendiri terjatuh atau terhantuk di mana-mana. (perenggan 17)

(2) Keterangan SP1 tentang pendarahan petichiae berganda dalam otak simati disebabkan hentakan pada permukaan atau benda tumpul serta goncangan adalah pendapatnya. Tiada bukti nyata mengenai apa sebenar yang menyebabkan kecederaan yang membawa maut itu. Tiada kepastian sama ada kecederaan itu berlaku dalam satu kejadian atau boleh disebabkan beberapa kali jatuh atau terhantuk. Hakim bicara dikatakan silap menyatakan cara bagaimana kecederaan diakibatkan adalah tidak penting asalkan ia dapat dikaitkan dengan pembuatnya. Berbeza dengan mangsa tikaman di dada atau tembakan di kepala di mana niat

membunuh mudah diinfer; di sini niat tidak boleh diinfer kerana tiada kepastian sama ada simati dicederakan atau sendiri tercedera. Ini merupakan salah arah kerana bagi maksud s. 300(c) Kanun Keseksaan perkara itu penting untuk menentukan niat. (perenggan 18)

(3) Tindakan perayu yang bergegas tanpa sempat memakai baju atau mengenakan pakaian kepada simati untuk mendapatkan pertolongan SP8 dengan penjelasan yang diberikan tidak menggambarkan tindakan orang yang bersalah. Apapun jua tiada motif bagi perayu mencederakan anak tirinya itu. Tiada keterangan yang dia pernah mengasari simati atau simati didengar menangis semasa perayu berada bersamanya. Jika Felissa telah keluar semasa perayu mandi kecuaiannya meninggalkan budak itu bersendirian di tingkat bawah boleh juga diinfer sebagai penyebab kecederaan yang dialami. Berbagai inferens boleh berbangkit daripada hal keadaan yang berlaku termasuk yang memihak kepada perayu tetapi tidak diberi pertimbangan. Dengan terdapatnya inferens-inferens lain tentang apa yang menyebabkan kecederaan di kepala dan pendarahan di otak simati serta tentang ada orang lain di rumah bersama simati semasa dia mengalami kecederaan maka dengan sendirinya tiada inferens boleh dibuat tentang niat untuk mencederakan simati. (perenggan 25 & 26)

(4) Kelemahan-kelemahan yang dinyatakan telah menjejas pembuktian kes pendakwa. Keterangan-keterangan yang memihak kepada perayu tidak diberi pertimbangan sewajarnya. Begitu juga inferens yang memihak kepada perayu telah dilepas pandang. Keterangan hal keadaan tidak menunjukkan secara tepat bahawa kematian simati disebabkan oleh perayu atau akibat perbuatannya. Terdapat kemungkinan yang kecederaan yang menyebabkan kematian itu datang dari sumber selain daripada perayu *(PP. v Hanif Basree Abdul Rahman)*. Di tahap itu sama ada berlaku pembunuhan dan jika pun ia berlaku, penglibatan perayu gagal dibuktikan. (perenggan 27)

(5) Penolakan keterangan perayu menampakkan kegagalan menghayati pembelaan yang dikemukakan secara keseluruhan. Perayu hanya boleh menyatakan apa yang dia tahu, dengar, lihat dan buat. Perayu tidak boleh dicap sebagai pembohong hanya kerana menyatakan tidak lebih daripada apa yang dia tahu. Hakim

bicara menolak pembelaan sebagai tidak munasabah kerana mendapati kecederaan tidak mungkin begitu serius jika simati jatuh dari anak tangga dan SP1 tidak dicabar. Kelemahan penemuan itu ialah kegagalan memberi pertimbangan bahawa pihak pembelaan tidak perlu membuktikan yang simati terjatuh tangga di rumah perayu. Bebannya sekadar membangkitkan keraguan yang munasabah. Dia telah menafikan yang dia adalah penyebab kematian itu. Dan keterangan SD2, SD3 dan SD4 bahawa simati adalah aktif dan selalu jatuh menunjukkan kemungkinan ada sebab lain yang tidak diberi pertimbangan. (perenggan 32)

(6) Keterangan perayu tidak dicabar dalam pemeriksaan balas oleh pihak pendakwa yang dengan itu dianggap menerima hakikat bahawa perayu tidak bersama simati semasa kecederaan yang menyebabkan kematiannya itu berlaku. Juga tidak dicabar yang Felissa ada bersama simati sebelum perayu naik mandi. Perayu dikatakan berbohong kerana mengatakan simati termakan lada sulah tetapi SP2, SP3 atau SP1 tidak ditanya sama ada terdapat kesan lada sulah di badan atau dalam mulut atau perut simati untuk mencabar keterangan itu. Oleh itu, perayu tidak wajar dianggap sebagai pembohong. Keterangannya konsisten dengan apa yang diberitahu kepada SP8 sejak awal lagi. Pembelaan perayu telah membangkitkan berbagai inferens yang memihak kepadanya. Inferens-inferens itu tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh Hakim Bicara. (perenggan 33)

(7) Mahkamah Rayuan lebih mudah campur tangan di mana penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara bergantung kepada inferens yang dirumus daripada fakta lain *(Tan Thong Jin v. PP)*. Mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman mati keterangan melalui inferens sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengasaskan sesuatu pensabitan. Atas sebab-sebab yang dinyatakan sebelum ini kes *prima facie* telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu atas pertuduhan yang dihadapinya. Dia sewajarnya dibebaskan tanpa pembelaannya dipanggil. Jikapun betul penjelasannya diperlukan bagi mematahkan kes pendakwaan dia telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah yang mewajarkan dia dibebaskan daripada pertuduhan. (perenggan 35)

A ***English*** *Translation Of Headnotes*

The appellant was convicted by the High Court for the murder of his stepdaughter (the deceased) aged 14 months and was sentenced to death. The appellant appealed to this court for the conviction
B and sentence be set aside. The facts were that on 26 January 2003, the appellant had brought a naked child to the house of SP8 and had asked for help. SP8 had brought the appellant and the child to the hospital. The deceased was pronounced dead at 8.20am 27 January 2003. A post mortem was conducted on the deceased by
C forensic expert SP1 who concluded that the cause of death of the deceased was due to head injuries caused by blunt trauma. SP1 also found that the injuries suffered by the deceased was consistent with injuries not caused by an accident. The appellant and his wife Felissa were arrested. The prosecution's case was based on
D circumstantial evidence whereby there was no one other than the appellant, the deceased and Felissa living in that house and that Felissa had just returned home after the deceased had been taken to the hospital. The possibility that the deceased had accidentally swallowed white pepper as stated by the appellant contravened with
E SP1's findings and appeared to be lies to hide the appellant's wrongdoings. That was what was held by the trial judge when he found that a *prima facie* case had been established against the appellant on the murder charge and had called for his defence. The case for the defence was that the appellant had heard the deceased
F crying when he was in the upstairs bathroom bathing. When the appellant went downstairs he saw the deceased lying on the floor with an opened bottle of white pepper next to her. The issues that arose were (i) whether the appellant had caused the death of the deceased and (ii) whether intention was proved as in s. 300 Penal
G Code. The appellant submitted that the inferences drawn from the evidence of the prosecution's witnesses were unjustified and argued that it was unsafe to convict based on inferences only.

Held (allowing the appeal; setting aside conviction and sentence; discharging and acquitting the appellant)
H **Per Tengku Baharudin Shah JCA:**

(1) Evidence showed that the deceased was an active child and constantly fell down and obtained injuries. She was with her mother when the appellant went upstairs to take her bath.
I There was no evidence when the mother, Felissa, had gone out to buy milk because the said Felissa had passed away and her

statement to the police was not produced during trial. Therefore there was the possibility that apart from the appellant there were others in the house during the incident. Since there was no evidence when Felissa had gone out of the house before the appellant had brought the deceased to the neighbour's house an inference could be made that the injuries to the head of the deceased could have been caused by others or that the deceased had fallen on her own and hit her head somewhere.

(2) SP1's evidence that the petichiae bleeding in the head of the deceased was caused by impact on a blunt surface or object and shaking was his view. There was no strong evidence as to what had actually caused the injury that brought about the death of the deceased. There was no certainty whether the injury had occurred in one particular incident or was caused by numerous falls or impact. The trial judge was wrong when he stated how the injury had taken place was not important as long as it was linked to the perpetrator. It was different from a victim that was stabbed in the chest or shot in the head where the intention to murder could easily be inferred; here the intention could not be inferred because there was no certainty whether the deceased was injured or had injured herself. This was a misdirection because under s. 300 Penal Code it was important to establish the intention.

(3) The appellant's conduct in rushing without putting on his clothes or to clothe the deceased to get SP8's help along with the explanations given did not represent the actions of a guilty person. Furthermore there was no motive for the appellant to injure his stepdaughter. There was no evidence that he had been violent with the deceased or that the deceased was heard crying when the appellant was with her. If Felissa had gone out while the appellant was bathing her negligence in leaving the child alone downstairs could be inferred as the cause of the injury she had suffered. A few inferences could be drawn from the situation including inferences in favour of the appellant but they were not taken into consideration. With the other inferences regarding what had caused the injury and the bleeding in the brain of the deceased along with the inference that there may have been others in the house with the deceased when she was injured therefore no inference could be made pertaining to the intention to injure the deceased.

(4) The weaknesses stated had affected the prosecution's case. The evidence that were in favour of the appellant had not been considered. The inferences that favoured the appellant were also overlooked. The circumstantial evidence did not show that the death of the deceased was caused by the appellant or had been the result of his actions. There was a possibility that the injury that had caused the death of the deceased came from sources other than the appellant *(PP v. Hanif Basree Abdul Rahman)*. At that stage whether a murder had occurred and even if it had occurred, there was a failure to prove the appellant's involvement.

(5) In dismissing the evidence of the appellant, it was apparent there was a failure to appreciate the defence provided as a whole. The appellant could only state what he knew, heard, saw or did. The appellant could not be called a liar because he was not able to state more than he knew. The trial judge had dismissed his defence as unreasonable because there was a finding that the injury would not have been that serious if the deceased had fallen down the stairs and SP1 was not challenged. There was a weakness in the said findings caused by the failure to give proper consideration that the defence need not prove that the deceased had fallen down the stairs in the appellant's house. The appellant need only raise reasonable doubt. The appellant had denied that he had caused the death of the deceased. And the evidence of SD2, SD3 and SD4 that the deceased was active and was constantly falling down showed the possibility that there were other reasons that had not been considered.

(6) The appellant's evidence was not challenged during cross examination by the prosecution and with that it was accepted that the appellant had not been with the deceased when she was afflicted with the injury that ultimately caused her death. It was also unchallenged that Felissa had been with the deceased before the appellant went up to take his bath. The appellant was said to have lied because he had said that the deceased had swallowed white pepper but SP2, SP3 or SP1 was not questioned whether there were traces of white pepper in the body or in the mouth or in the stomach of the deceased to challenge the evidence. Therefore, the appellant should not have been treated as a liar. The appellant's evidence was consistent with what was

told to SP8 from the beginning. The defence of the appellant had raised many inferences that were in his favour. The inferences had not been taken into proper consideration by the trial judge.

(7) The Court of Appeal is prone to interfere where the finding of facts made by the trial judge is based on inferences that are concluded from other facts *(Tan Thong Jin v. PP)*. The courts need to pay extra careful regarding offences which involved death sentences evidences by inferences only because it was not sufficient to establish a conviction. Based on reasons that were earlier mentioned there was a failure to establish a *prima facie* case by the prosecution against the appellant on the charges against him. The appellant should be released without his defence being called. Even if it were true that his explanations were needed to rebut the prosecution's case he had succeeded in raising a reasonable doubt to justify his discharge and acquittal from the charge.

Kes-kes yang dirujuk:
Alcontara Ambrose Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
PP v. Hanif Basree Abdul Rahman [2007] 2 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***
Tan Thong Jin v. PP [2002] 3 CLJ 552 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, ss. 114(g), 32
Penal Code, s. 300(c)

Bagi pihak perayu - Dato' Sukeri Hj Mohamad; T/n Wan Haron Sukri & Nordin
Bagi pihak PP - Awang Armadajaya TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kota Bharu; Rayuan Jenayah No: 45-6-2003]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Tengku Baharudin Shah HMR:

[1] Perayu disabitkan oleh Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan atas kesalahan membunuh anak tirinya (budak itu atau simati) yang berumur 14 bulan dan dihukum mati. Rayuannya ke

A mahkamah ini telah dibenarkan dan sabitan serta hukuman itu diketepikan. Perayu telah dibebas dan dilepaskan kerana kami mendapati sabitan itu tidak selamat memandangkan ia dibuat berasaskan inferens-inferens yang tidak memihak kepadanya yang tidak disokong oleh keterangan sedangkan inferens yang memihak
B kepadanya tidak diberi pertimbangan.

Kes Pendakwaan

[2] SP8 berada di rumahnya pada tengah hari 26 Januari 2003 apabila terdengar suara budak menangis dengan kuat dari arah dapur
C rumah perayu jarak selang satu rumah dari rumahnya dalam deretan rumah teres yang sama. Sepuluh minit kemudian perayu datang ke rumahnya membawa budak yang tidak berpakaian dan meminta bantuan. Mulut budak itu berbuih, giginya terkancing dan matanya separuh terbuka. Menjawab pertanyaan SP8 perayu menyatakan
D budak itu mungkin termakan lada sulah. SP8 telah menghantar perayu dan budak itu dengan keretanya ke hospital. Dia juga nampak tanda-tanda melecur seperti terbakar di badan budak itu.

[3] SP9 isteri SP8 menyokong keterangan suaminya. Tambahnya,
E perayu tinggal di rumah itu sejak dua bulan sebelumnya bersama seorang perempuan dan budak itu. Perayu datang ke rumahnya dalam keadaan basah. Budak itu juga dalam keadaan basah dan tak bermaya. Nafasnya tersekat-sekat. Dia nampak parut luka dengan puntung rokok pada paha budak itu semasa memeriksanya sebelum
F perayu balik mengambil bajunya serta pakaian budak itu.

[4] Mengikut SP9 sejurus selepas suaminya bertolak ke hospital perempuan yang tinggal bersama perayu itu balik. SP9 memberitahunya yang anaknya telah dibawa ke hospital. Perempuan itu terus simpan
G basikalnya dan SP9 masuk ke dalam rumahnya. SP9 tidak tahu hubungan perayu dengan budak itu. Dia selalu tengok budak itu bermain di hadapan rumah – dia aktif dan boleh berjalan.

[5] SP3 yang memeriksa budak itu di hospital mendapatinya tidak
H sedarkan diri, bernafas tercungap-cungap serta melihat beberapa kesan lebam di bahagian muka dan paha. Budak itu kemudian dirujuk kepada pakar kanak-kanak SP2 dan dipindahkan ke Unit Kawalan Rapi. SP2 mendapati tekanan darahnya tidak stabil, oleh itu scan kepala tidak dapat dilakukan. Budak itu disahkan
I meninggal dunia pada pukul 8.20 pagi 27 Januari 2003 dan dilaporkan kepada polis.

[6] Bedahsiasat dijalankan ke atas simati oleh pakar forensik SP1. Dia mendapati kecederaan luaran berganda seperti luka, lebam di dahi kiri, kanan dan kelopak mata kiri, luka terbakar pada kelopak mata kanan, luka melecur pada bahagian atas muka, luka terbakar pada kaki kiri serta parut dan luka di bahagian paha dan punggung. Dia juga mendapati pendarahan berganda dalam kulit dan dibawah kulit kepala serta pendarahan pada otak. Dia merumuskan punca kematian simati adalah akibat kecederaan dalam kepala yang disebabkan oleh trauma tumpul. SP1 juga mendapati kecederaan yang dialami adalah konsisten dengan kecederaan yang bukan kemalangan. Dia tidak bersetuju dengan peguambela bahawa pendarahan otak simati berkemungkinan disebabkan terjatuh tangga kerana pendarahan petechiael haemorrhage amat banyak di kepala dalam otak yang tertumpu pada white matter corpus collosum, kecederaan berupa diffuse axonal injury dan ketiadaan keretakan pada tengkorak simati.

[7] Perayu dan isterinya Felissa telah ditangkap pada 27 Januari 2003 di hadapan bilik mayat hospital. Felissa telah meninggal dunia pada 19 Januari 2004 (lihat P5) iaitu hampir setahun sebelum perbicaraan. Mengikut pegawai penyiasat (SP10) perayu adalah bapa tiri kepada simati sementara Felissa adalah ibu kandungnya tetapi dia tidak pernah membuat pengesahan tentang perkahwinan mereka. SP10 juga mengakui yang perayu memberi kerjasama semasa ditemubual, menunggu di luar semasa bedahsiasat dan berada di hospital sepanjang masa.

[8] Kes pendakwa adalah berasaskan keterangan mengikut keadaan iaitu tiada orang lain selain perayu, simati dan Felissa yang tinggal di rumah itu dan Felissa hanya balik selepas simati dihantar ke hospital. Kemungkinan simati termakan lada sulah dikatakan bercanggah dengan pendapat SP1 dan merupakan pembohongan oleh perayu untuk menyembunyikan perbuatannya. Itulah yang diputuskan oleh hakim bicara apabila mendapati kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan membunuh dan memanggil pembelaan.

Kes Pembelaan

[9] Dalam pembelaannya perayu menyatakan yang dia menyewa rumah itu dua bulan sebelum kejadian dan tinggal di situ bersama isterinya Felissa, anak Felissa dan adik lelaki Felissa. Pada hari kejadian dia balik ke rumah pada tengah hari. Felissa dan anaknya

berada di tingkat bawah sementara adik iparnya telah keluar. Melihat lebam di bawah mata budak itu dia bertanya Felissa. Dia diberitahu budak itu kurang sihat kerana jatuh tangga dua hari sebelumnya di rumah ibu perayu. Dia menyuruh isterinya membawa budak itu ke klinik dan memberinya wang RM20 untuk membeli susu. Dia naik ke tingkat atas untuk mandi.

[10] Sebelum dia mandi Felissa memberitahunya dari bawah yang dia hendak pergi ke kedai. Sedang perayu mandi dia terdengar suara budak itu menangis dari tingkat bawah. Tangisan itu berhenti selepas sepuluh minit. Selepas mandi perayu memakai seluar pendek dan turun ke bawah. Dia lihat budak itu di atas lantai dekat anak tangga bawah dalam keadaan basah dan sesak nafas. Dia nampak botol lada sulah dengan tudungnya terbuka berhampiran. Dia panggil Felissa tetapi dia tiada. Dia angkat budak itu dan membawanya ke bilik air serta membasuh mukanya. Dia kemudian cuba menyuap mulutnya dengan air masak. Mendapati keadaannya tidak berubah, perayu mengambil kain tuala dan membawa budak itu terus pergi ke rumah jirannya meminta bantuan untuk dihantar ke hospital.

[11] Menjawab pertanyaan SP8, perayu menyatakan yang dia tak tahu apa terjadi kepada budak itu, mungkin termakan lada sulah. Dia juga beritahu SP8 yang ibu budak itu telah pergi ke kedai membeli susu. SP9 yang ada bersama menyuruhnya balik pakai baju serta membawa pakaian budak itu dan dia berbuat demikian sebelum mereka pergi ke hospital. Felissa kemudian datang ke hospital dan mereka bersama masuk ke bilik kecemasan.

[12] Perayu bekerja di Pasar Berek 12 apabila dimaklumkan oleh Felissa tentang kematian budak itu pagi esoknya. Dia bersama Felissa menunggu di hospital apabila ditangkap.

[13] Keterangan perayu tidak dicabar dalam pemeriksaan balas. Dia menjelaskan yang dia tidak nampak Felissa keluar rumah semasa dia naik ke tingkat atas untuk mandi. Dia mendengar simati menangis semasa dia sedang mandi di bilik air. Sesudah dia mandi dia tidak dengar budak itu menangis. Apabila dia turun dia nampak budak itu terlentang di atas lantai dan masih boleh bergerak.

[14] Selain perayu bapanya SD2, ibunya SD3 dan kakaknya SD4 turut memberi keterangan. Mereka mendakwa Felissa memang selalu datang ke rumah mereka bersama anaknya. Dan budak itu

merupakan anak yang aktif dan suka berlari dan memanjat. Beberapa hari sebelum kematian dia pernah kena ekzos motorsikal SD2 di pahanya, jatuh terkena tempat start motor di bahagian kepalanya dan berlari daripada luar rumah hingga terjatuh atas tangga dapur.

Keputusan Hakim

[15] YA Hakim bicara mendapati keterangan SD2, SD3 dan SD4 mengenai simati pernah terjatuh tangga dan jatuh pada motorsikal tiada kaitan dengan kecederaan yang menjadi punca kematiannya. Keterangan perayu dianggap sebagai penafian semata-mata dan tidak munasabah untuk dipercayai. Dia mendapati kemungkinan simati terjatuh tangga tidak menimbulkan keraguan yang munasabah kerana lebih percaya keterangan SP1 tentang kecederaan yang dialami simati adalah konsisten dengan kecederaan bukan kemalangan. Pembelaan tersebut juga didapati tidak konsisten dengan pembelaan perayu sendiri. Tegasnya niat perayu untuk menyebabkan kematian simati boleh diinfer daripada kecederaan serius yang dialami simati. Kesimpulannya didapati Perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Kes *Prima Facie*

[16] Identiti simati terbukti dan tidak dipertikai. Yang menjadi kemusykilan pihak perayu ialah dua unsur utama kesalahan iaitu sama ada perayu yang menyebabkan kematian budak itu dan sama ada terbukti niat seperti maksud s. 300 Penal Code. Dihujahkan inferens-inferens tidak wajar dibuat daripada keterangan saksi-saksi pendakwa bahawa kecederaan pada kepala simati adalah akibat deraan, perayu yang menyebabkan kecederaan itu dan dia mempunyai niat untuk mencederakan simati. Disarankan adalah tidak selamat untuk sabitan dibuat berasaskan inferens sahaja. *Tan Thong Jin v. PP* [2002] 3 CLJ 552 dirujuk sebagai sandaran.

[17] Dihujahkan di mana lebih daripada satu inferens boleh dibangkitkan maka dari segi undang-undang inferens yang menyebelahi perayu harus dipakai. Terdapat keterangan yang menunjukkan simati adalah seorang budak yang cergas dan sering jatuh dan mengalami kecederaan. Dia ada bersama ibunya semasa perayu naik ke tingkat atas untuk mandi. Tiada keterangan bila Felissa keluar untuk membeli susu kerana dia telah meninggal dunia dan pernyataannya kepada polis tidak dikemukakan dalam perbicaraan. Oleh itu terdapat kemungkinan yang selain daripada

perayu ada orang lain di rumah semasa kejadian. Memandangkan tiada keterangan bila Felissa keluar daripada rumah itu sebelum perayu membawa simati ke rumah jirannya maka boleh juga diinfer yang kecederaan di kepala simati boleh disebabkan oleh orang lain atau simati sendiri jatuh atau terhantuk di mana-mana.

[18] Keterangan SP1 tentang pendarahan petichiae berganda dalam otak simati disebabkan hantukan pada permukaan atau benda tumpul serta goncangan adalah pendapatnya. Tiada bukti nyata mengenai apa sebenar yang menyebabkan kecederaan yang membawa maut itu. Tiada kepastian sama ada kecederaan itu berlaku dalam satu kejadian atau boleh disebabkan beberapa kali jatuh atau terhantuk. Hakim bicara dikatakan silap menyatakan cara bagaimana kecederaan diakibatkan adalah tidak penting asalkan ia dapat dikaitkan dengan pembuatnya. Berbeza dengan mangsa tikaman di dada atau tembakan di kepala di mana niat membunuh mudah diinfer; di sini niat tidak boleh diinfer kerana tiada kepastian sama ada simati dicederakan atau sendiri tercedera. Ini merupakan salah arah kerana bagi maksud s. 300(c) perkara itu penting untuk menentukan niat.

[19] Hakim rayuan lazimnya tidak mudah menolak penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. Ini disebabkan kelebihan dengar lihat yang ada pada hakim bicara yang membolehkannya membuat penilaian yang lebih tepat tentang kredibiliti saksi-saksi yang memberi keterangan di hadapannya. Keadaannya berbeza di mana kes pendakwa bergantung kepada penemuan fakta yang dibuat berasaskan inferens dan rumusan daripada fakta lain di mana hakim rayuan bebas membuat penemuannya sendiri yang mungkin berlainan mengikut persepsinya (*Tan Thong Jin v. PP (supra)*).

[20] Dalam kes ini, hakim bicara membuat beberapa rumusan daripada keterangan saksi-saksi dan kemudian membuat inferens-inferens yang menjadi asas keputusannya untuk memanggil pembelaan perayu. Hakim bicara merumuskan yang kecederaan dalaman yang teruk di kepala dan otak simati hanya dialami selepas budak itu berhenti menangis kerana jika kecederaan sedemikian dialami sebelumnya dia tak mungkin bermaya lagi untuk menangis dengan kuat. Inferens dibuat bahawa kecederaan itu berlaku dalam tempoh 10-15 minit selepas tangisan berhenti hingga dia di bawa ke rumah SP8 dalam keadaan tidak sedar. Dalam masa yang singkat itu simati tak mungkin menaiki tangga dan jatuh. Rumusan serta

inferens ini sebenarnya tidak munasabah dan tidak disokong oleh keterangan. Tiada saksi yang melihat bagaimana kecederaan itu berlaku. Hanya SP1 memberi keterangan mengenai kecederaan di kepala dan pendarahan otak simati dan dia tidak ditanya dan tidak menyatakan yang budak yang megalami kecederaan seperti itu tidak boleh menangis. Sebaliknya notis penghakiman boleh diambil bahawa kanak-kanak lazim menangis apabila sakit, lapar atau tidak selesa. Oleh itu lebih logik jika dia menangis kerana sakit apabila dicederakan atau tercedera sedemikian dan tidak munasabah dan tiada sebab dia dicederakan setelah berhenti menangis.

[21] Saranan peguambela tentang kemungkinan kemalangan terjatuh tangga disifatkan oleh hakim bicara sebagai afterthought. Berasaskan pendapat SP1 yang pendarahan di otak simati tidak mungkin disebabkan terjatuh daripada tangga dan penjelasan perayu kepada SP8 yang berbeza dengan saranan peguamnya, YA Hakim tidak meragui bahawa kecederaan teruk di kepala simati bukan disebabkan oleh kemalangan. Dengan itu inferens dibuat bahawa kecederaan tersebut adalah akibat penderaan.

[22] Jika diteliti keterangan SP1, dia membuat dua kesimpulan hasil daripada bedahsiasat ke atas simati. Pertamanya sebab kematian adalah akibat daripada kecederaan dalam kepala yang disebabkan oleh trauma tumpul pada kepala dan keduanya didapati kecederaan yang dialami simati adalah konsisten dengan kecederaan yang bukan kemalangan atas sebab-sebab yang dinyatakan. Kesimpulan pertama adalah khusus kepada kecederaan di kepala yang menyebabkan kematian sementara kesimpulan kedua adalah umum kepada keseluruhan kecederaan yang dialami oleh simati yang didapati konsisten dengan kes penderaan. Oleh itu tidak wajar ditolak kemungkinan pendarahan di otak adalah akibat daripada kemalangan memandangkan kecederaan-kecederaan itu berbeza, diakibatkan oleh sebab yang berbeza dan ada yang baru dan yang lama. SP1 menyatakan pendarahan di otak itu adalah luka baru yang diakibatkan oleh trauma tumpul tetapi dia tidak ditanya dan tidak kata yang semua pendarahan berganda itu dialami dalam satu kejadian. Dia tidak dirujuk kemungkinan pendarahan itu boleh disebabkan oleh impak berulang dalam tempoh seminggu yang dinyatakan. Walaupun siasatan SP10 mendedahkan bahawa simati pernah jatuh terkena motorsikal di kepalanya dan sering jatuh di tangga semasa berada di rumah ibu perayu 2-3 hari sebelum kejadian, SP1 tidak ditanya sama ada kejadian-kejadian itu boleh menyebabkan pendarahan itu.

[23] Penjelasan perayu kepada SP8 adalah persepsinya apabila melihat keadaan simati yang berbuih di mulut dan sesak nafas serta melihat apa yang ada berdekatannya. Dia tidak tahu apa yang menyebabkan simati berada dalam keadaan begitu. Dia hanya menyatakan kemungkinan apa yang berlaku. Kemungkinan jatuh di tangga dibangkitkan oleh peguam semasa memeriksa balas SP1. Dalam keadaan yang dinyatakan inferens yang dibuat tentang sebab kecederaan di kepala simati ternyata salah faham dan tidak berasaskan keterangan. Sebaliknya penjelasan perayu itu boleh membawa inferens yang dia bercakap benar.

[24] Inferens yang dibuat mengenai perayu sebagai orang yang menyebabkan kecederaan pada simati dirumuskan berdasarkan ketiadaan orang lain selain perayu di rumah itu bersama simati semasa kejadian dan ibu simati Felissa hanya balik ke rumah setelah simati dibawa oleh SP8 ke hospital. Mengikut hakim bicara jika ada orang lain bersama perayu sudah semestinya dia akan bersama-samanya membawa simati ke rumah SP8 atau sekurang-kurangnya membantunya mendapatkan pakaian simati sebelum dihantar ke hospital. Oleh sebab kecederaan di kepala simati tidak disebabkan oleh kemalangan atau dilakukan sendiri, satu-satunya inferens yang dirumuskan daripada fakta dan hal keadaan sekeliling ialah bahawa perayulah yang menyebabkan kecederaan itu.

[25] Masalahnya, tindakan perayu yang bergegas tanpa sempat memakai baju atau mengenakan pakaian kepada simati untuk mendapatkan pertolongan SP8 dengan penjelasan yang diberikan tidak menggambarkan tindakan orang yang bersalah. Keduanya, seperti dinyatakan sebelum ini simati dicederakan atau tercedera sebelum dia menangis oleh itu dalam tempoh masa sebelum dia menangis hingga dibawa ke rumah SP8 itu ibunya Felissa mungkin juga ada bersamanya di rumah itu. Tiada keterangan daripada Felissa kerana dia telah meninggal dunia dan pernyataannya tidak dikemukakan oleh pihak pendakwa di bawah s. 32 Akta Keterangan. SP9 hanya melihat Felissa balik ke rumah tetapi tidak melihatnya keluar. Keterangan SP10 mengenai Felissa tidak berada di rumah ketika kejadian adalah dengar cakap (hearsay) yang tidak seharusnya diterima sebagai keterangan. Dan penjelasan perayu kepada SP8 tentang isterinya pergi ke kedai hanya merujuk kepada ketika simati dibawa ke rumah SP8. Apapun jua tiada motif bagi perayu mencederakan anak tirinya itu. Tiada keterangan yang dia pernah mengasari simati atau simati didengar menangis semasa perayu

berada bersamanya. Jika Felissa telah keluar semasa perayu mandi kecuaiannya meninggalkan budak itu bersendirian di tingkat bawah boleh juga diinfer sebagai penyebab kecederaan yang dialami. Berbagai inferens boleh berbangkit daripada hal keadaan yang berlaku termasuk yang memihak kepada perayu tetapi tidak diberi pertimbangan.

[26] Dengan terdapatnya inferens-inferens lain tentang apa yang menyebabkan kecederaan di kepala dan pendarahan di otak simati serta tentang ada orang lain di rumah bersama simati semasa dia mengalami kecederaan maka dengan sendirinya tiada inferens boleh dibuat tentang niat untuk mencederakan simati.

[27] Kelemahan-kelemahan yang dinyatakan telah menjejas pembuktian kes pendakwa. Keterangan-keterangan yang memihak kepada perayu tidak diberi pertimbangan sewajarnya. Begitu juga inferens yang memihak kepada perayu telah dilepas pandang. Keterangan hal keadaan tidak menunjukkan secara tepat bahawa kematian simati disebabkan oleh perayu atau akibat perbuatannya. Terdapat kemungkinan yang kecederaan yang menyebabkan kematian itu datang dari sumber selain daripada perayu. (Lihat *PP v. Hanif Basree Abdul Rahman* [2007] 2 CLJ 33). Ditahap itu sama ada berlaku pembunuhan dan jika pun ia berlaku, penglibatan perayu gagal dibuktikan. Dalam keadaan demikian pembelaan perayu tidak selamat untuk dipanggil atas pertuduhan yang dihadapi.

Pembelaan

[28] Apa pun jua, perayu hanya perlu membangkitkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan untuk lepas daripada sabitan. Keputusan majoriti mahkamah ini dalam kes *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1 menetapkan di mana undang-undang meletakkan beban memberi penjelasan ke atas seorang tertuduh dan penjelasan yang konsisten dengan ketidakbersalahannya diberikan maka Mahkamah wajib menimbang sama ada penjelasan itu mungkin semunasabahnya benar walaupun tidak mempercayai kebenarannya. Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 telah memutuskan bahawa tugas tertuduh untuk mendapat kebebasan hanyalah sekadar membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah tidak semestinya diyakinkan tentang kebenaran penjelasan atau versi pembelaan. Membangkitkan keraguan yang munasabah tentang kebersalahan tertuduh adalah memadai.

[29] Dalam menilai pembelaan perayu hakim bicara meragui kebenarannya kerana peguamnya di dapati mengetengahkan pembelaan bahawa kematian simati disebabkan oleh kemalangan sedangkan perayu sendiri dalam keterangannya tidak pernah menyatakan kemungkinan itu. Dengan hasil bedahsiasat oleh SP1 mendapati kematian simati tiada kaitan langsung dengan termakan lada sulah dengan itu menafikan penjelasan perayu kepada SP8 maka hakim bicara telah merumuskan bahawa pembelaan tidak konsisten dan perayu telah berbohong. Penemuan itu ternyata salah arahan dan salah faham keterangan.

[30] Perayu hanya boleh menyatakan apa yang dia tahu, dengar, lihat, dan buat. Dia tahu Felissa ada bersama budak itu apabila dia naik ke atas untuk mandi. Dia dengar budak itu menangis. Dia tidak nampak budak itu jatuh dan tidak tahu apa yang menyebabkan budak itu berkeadaan seperti yang dilihatnya apabila dia turun. Peguambela perayu sebaliknya mengemukakan pembelaan perayu secara keseluruhan dengan berpandukan keterangan saksi-saksi pendakwa dan maklumat yang diperolehi daripada saksi-saksi pihak pembelaan. Perbezaan peranan peguam dan anakguam telah dilepas pandang.

[31] Hakim bicara silap mendapati keterangan Perayu menyokong kes pendakwaan bahawa hanya Perayu dan simati berada di rumah itu semasa kejadian. Felissa dikatakan tidak mungkin meninggalkan anaknya yang berumur 14 bulan itu bersendirian di rumah. Jika itu benar inferensnya ialah dia ada bersama simati semasa kecederaan itu berlaku. Sama ada Felissa telah meninggalkan simati dalam jagaan perayu untuk pergi membeli susu adalah tidak lebih daripada spekulasi. Kegagalan mengemukakan pernyataan Felissa boleh mencetuskan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan.

[32] Penolakan keterangan perayu menampakkan kegagalan menghayati pembelaan yang dikemukakan secara keseluruhan. Perayu tidak boleh dicap sebagai pembohong hanya kerana menyatakan tidak lebih daripada apa yang dia tahu. Hakim bicara menolak pembelaan sebagai tidak munasabah kerana mendapati kecederaan tidak mungkin begitu serius jika simati jatuh dari tiga anak tangga dan SP1 tidak dicabar. Dia juga menolak keterangan SD2, SD3 dan SD4 kerana tidak ada kena mengena dengan kecederaan yang mengakibatkan kematian. Kelemahan penemuan itu

ialah kegagalan memberi pertimbangan bahawa pihak pembelaan tidak perlu membuktikan yang simati terjatuh tangga di rumah perayu. Bebannya sekadar membangkitkan keraguan yang munasabah. Dia telah menafikan yang dia adalah penyebab kematian itu. Dan keterangan SD2, SD3 dan SD4 menunjukkan kemungkinan ada sebab lain yang tidak diberi pertimbangan.

[33] Keterangan perayu tidak dicabar dalam pemeriksaan balas oleh pihak pendakwa yang dengan itu dianggap menerima hakikat bahawa perayu tidak bersama simati semasa kecederaan yang menyebabkan kematiannya itu berlaku. Juga tidak dicabar yang Felissa ada bersama simati sebelum perayu naik mandi. Perayu dikatakan berbohong kerana mengatakan simati termakan lada sulah tetapi SP2, SP3 atau SP1 tidak ditanya sama ada terdapat kesan lada sulah di badan atau dalam mulut atau perut simati untuk mencabar keterangan itu. Oleh itu perayu tidak wajar dianggap sebagai pembohong. Keterangannya konsisten dengan apa yang diberitahu kepada SP8 sejak awal lagi. Seperti dihujah oleh peguambela perayu pembelaan perayu telah membangkitkan berbagai inferens yang memihak kepadanya. Inferens-inferens itu tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim bicara.

[34] Keterangan SD2, SD3 dan SD4 sebenarnya telah melemahkan kesimpulan yang dibuat oleh SP1 bahawa pendarahan di otak simati tidak mungkin disebabkan kemalangan terjatuh di tangga. Memandangkan pendarahan di otak simati merupakan luka-luka baru yang berlaku kurang daripada seminggu, jika dibawa kepada pengetahuan SP1 yang dalam tempoh seminggu itu simati pernah jatuh terhantuk kepalanya pada starter motorsikal SD2 dan sering jatuh di tangga rumah SD3 jawapan SP1 kemungkinannya berlainan. Memang benar peguambela perayu tidak menyoal balas SP1 mengenai perkara tersebut tetapi pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah sedangkan SD2 dan SD4 adalah antara saksi-saksi yang ditawarkan kepada pihak pembelaan dan SP1 juga boleh dipanggil semula untuk menjelaskan. Mengenai kegagalan menyoal saksi pendakwa, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan dalam kes *Alcontara Ambrose Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705 bahawa telah menjadi undang-undang tetap yang walaupun mahkamah memandang dengan sangsi pembelaan yang tidak dikemukakan kepada saksi pendakwa yang mungkin mengetahui secara peribadi perkara-perkara yang menjadi isu, mahkamah masih

terikat untuk menimbangkan pembelaan tersebut walau pun lemah, dan membebaskan tertuduh, jika tidak berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah melaksanakan beban membukti yang terletak padanya.

Keputusan

[35] Dalam semua hal keadaan yang dinyatakan sebelum ini kami rasa terpanggil untuk campur tangan bagi memastikan tidak berlaku ketidakadilan. Seperti dijelaskan oleh mahkamah ini dalam *Tan Thong Jin v. PP (supra)* mahkamah rayuan lebih mudah campur tangan di mana penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara bergantung kepada inferens yang dirumus daripada fakta lain. Juga diputuskan di situ bahawa mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman mati keterangan melalui inferens sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengasaskan sesuatu pensabitan.

[36] Atas sebab-sebab yang dinyatakan sebelum ini kes *prima facie* telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap Perayu atas pertuduhan yang dihadapinya. Dia sewajarnya dibebaskan tanpa pembelaannya dipanggil. Jikapun betul penjelasannya diperlukan bagi mematahkan kes pendakwaan dia telah berjaya membangkitkan keraguan yang munasabah yang mewajarkan dia dibebaskan daripada pertuduhan.

[37] Rayuan perayu dengan itu dibenarkan dan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan diketepikan. Perayu dilepas dan dibebaskan.